

# Berita Sukan



## KEJOHANAN BOLING PERSEORANGAN TERTUTUP KUKUM '04

Kelab TENPIN Boling KUKUM telah menganjurkan satu Kejohanan Boling Perseorangan Tertutup KUKUM pada 6 MAC 2004 yang lalu bertempat di City Bowl, City Plaza, Alor Star, Kedah. Kejohanan ini menarik seramai lebih kurang 50 orang peserta terdiri daripada kalangan staf pengurusan & profesional dan sokongan. Ia bertujuan untuk memilih wakil KUKUM ke Kejohanan Sukan Staf antara IPTA Malaysia yang akan diadakan di UKM kelak. Kejohanan ini dirasmikan oleh Rektor KUKUM sendiri iaitu Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin yang turut menyertai pertandingan ini. Dalam pertandingan yang cukup sengit itu Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah dari Jabatan Pembangunan telah muncul juara dengan jatuhan pin sebanyak 1059, manakala Nordiana Mohd Shahab telah muncul johan untuk kategori wanita dengan jatuhan 807 pin. Pada hujung kejohanan ini berlangsung majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.

Senarai 5 terbaik Kategori Perseorangan Lelaki.

1. Mohd Mustafa Al Bakri -Jab. Pembangunan, 1059
2. Rusdi Puteh - Jab. Bendahari, 1053
3. Rosfarizal Abd. Manan -Jab. Pembangunan, 1052
4. Mohd Rashid Ismail - Jab. Pembangunan, 994
5. Zulfatah Dzulkarnain - Jab. Canselori, 976

Senarai 3 terbaik Kategori Perseorangan Wanita.

6. Nordiana Mohd Shahab -Jab. HEP, 807
7. Nursalasawati Rusli - PPKKK, 796
8. Norsyuhada Ismail - Kolej Kediaman, 788

